

PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN KAPSITI UNTUK WANITA YANG DISEDIAKAN OLEH JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap sosioekonomi wanita dengan menggalakkan wanita melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan termasuk perniagaan mikro (microenterprise).

Melalui mekanisme Jabatan di peringkat negeri iaitu **13 bulan Pejabat pembangunan Wanita Negeri (PPWN)** di seluruh negara, termasuk **Biro Wanita Sarawak** dan **Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah**, pelbagai program peningkatan kemahiran serta pendapatan dilaksanakan untuk wanita khususnya wanita berpendapatan rendah.

Antara program-program pembangunan wanita yang dijalankan adalah seperti berikut:

A. Program Peningkatan Kemahiran dan Pendapatan:

Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita)

Program latihan kemahiran dan keusahawanan khusus untuk golongan wanita dan ibu tunggal (I-KIT) bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Menyediakan latihan untuk para peserta dalam bidang kemahiran yang boleh dikomersilkan;
- Membantu peserta meningkatkan potensi untuk berdikari secara ekonomi setelah memperoleh kemahiran, iaitu dengan menceburji bidang keusahawanan; dan
- Membuka minda para peserta yang terdiri daripada wanita berpendapatan rendah, suri rumah dan ibu tunggal ke arah peningkatan keyakinan diri serta memberikan motivasi supaya mereka terdorong untuk memajukan diri masing-masing.

Kaedah Pelaksanaan

Bagi tahun 2010, program **I-KIT** dan **I-KeuNita** akan dilaksanakan dalam dua fasa seperti berikut:

- Fasa I : kursus kemahiran intensif
- Fasa II : Bimbingan Keusahawanan

Fasa I : Kursus Kemahiran Intensif

Program **I-KIT** dan **I-KeuNita** akan menggunakan konsep incubator atau hold my hand (latih dan bimbing) di mana seseorang wanita dan ibu tunggal itu akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi sebelum ia memulakan usahaniaga mereka sendiri.

Fasa I melibatkan pelaksanaan latihan kemahiran di seluruh negara mengikut pangkhususan dalam bidang-bidang kemahiran bertaraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dikenalpasti seperti berikut:

- Jurukecatikan;
- Pembuat pakaian (lelaki dan wanita)
- Pendandan rambut;
- Penyedia pastri;
- Penyedia roti;
- Penyedia makanan; dan
- Kraf tangan.

Selain itu, pertimbangan turun diberikan untuk pelaksanaan latihan dalam bidang berikut:

- Pertanian dan penternakan termasuk pengeluaran produk asas tani(agro-based industry);

- Perkhidmatan seperti pengurusan kediaman dan penjagaan kanak-kanak;
- Peruncitan;
- Pelancongan;
- Perniagaan berdasarkan konsep telekerja seperti perkhidmatan pengurusan pejabat/kewangan, simpan kira, kemasukan data dan sebagainya; dan
- Pembuatan dan pengeluaran produk kraftangan seperti alatan perkahwinan, aksesori, pakaian dan sebagainya.

Pemilihan kursus dibuat atas dasar potensi kemahiran tersebut untuk dikomersialkan dan kursus tersebut mendapat pentaulihan yang diiktiraf seperti Kemahiran Malaysia (SKM) serta melayakkan peserta untuk mendapatkan pembiayaan daripada agensi seperti Tekun Nasional, MARA, SMECorp dan AIM.

Fasa II: Bimbingan Keusahawanan

- **Fasa II: Bimbingan Keusahawanan** – Fasa II **I-KIT** dan **I-KeuNita** menyediakan bimbingan keusahawanan kepada para peserta yang telah berjaya menyelesaikan fasa I iaitu kursus kemahiran.
- Penganjuran Fasa II ini akan melibatkan kerjasama Kementerian atau agensi Kerajaan yang berkaitan usahawan seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).
- Disasarkan sekurang-kurangnya **450 orang usahawan ibu tunggal** berjaya dilahirkan menerusi **program I-KIT** dan **450 orang usahawan wanita** lagi menerusi program **I-KeuNita** di seluruh negara tahun 2010.

Jejari Bestari

Program latihan kemahiran kepada para peserta untuk mencapai objektif seperti berikut:

- Membekalkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang jahitan atau kraf tangan yang boleh dikomersialkan; dan
- Jejari Bestari sebagai salah satu program 'outreach' JPW untuk manfaat wanita khususnya wanita yang tinggal di kawasan luar bandar.

Jejari Bestari Lanjutan

- Kursus lanjutan selama dua minggu untuk para peserta Jejari Bestari yang dikenal pasti dan peserta boleh membuat permohonan modal tambahan untuk perniagaan yang telah / akan mereka jalani.
- Sasaran peserta seramai 100 orang dari setiap negeri iaitu 1,500 orang di seluruh negara.

AZAM Khidmat: Pengurusan Kediaman

Menyediakan latihan profesional dalam bidang pengurusan rumah tangga kepada wanita bagi membolehkan mereka menceburi industri baru sebagai 'pengurus kediaman'.

- Kursus selama dua minggu (14 hari) dijalankan di setiap negeri menggunakan Modul Kursus Asas Pengurusan Kediaman.
- Sasaran peserta seramai 30 orang di setiap program iaitu 450 orang diseluruh negara.

B. Program Pembangunan Kapasiti Wanita

Seminar 'Entering the Corporate World'

Inisiatif Jabatan khusus kepada graduan institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS). Objektif penyediaan program adalah seperti berikut:

- Memperkasa graduan wanita dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran pekerjaan;
- Memberi pendedahan mengenai kesaksamaan gender; dan
- Memberi aspirasi untuk peserta menyertai sesebuah organisasi dan masyarakat dengan yakin selepas tamat pengajian.

C. Hak-hak Wanita dan Kepekaan Gender

Bengkel "Selamatkan Diri Anda" (SeDiA)

Program disasarkan kepada golongan wanita dan lelaki khususnya pemimpin masyarakat, ahli-ahli NGO, guru, pelajar IPT, pelajar sekolah menengah dan mereka yang berminat untuk:

- Mewujudkan serta mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan serta peranan semua pihak dalam menangani keganasan;
- Menghapuskan segala bentuk keganasan terhadap wanita; dan
- Memberikan pendedahan tentang cara-cara yang boleh diambil bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa keganasan.

D. Program Kesejahteraan Emosi Wanita

Program 'Wanita Bijaksana, wanita sejahtera'

Program ini dijalankan di peringkat negeri di mana para peserta yang terdiri daripada kaum ibu, bapa dan anak-anak mereka diberikan pendedahan mengenai teknik komunikasi berkesan dalam keluarga. Selain itu, para peserta juga mendapat pengetahuan mengenai cara-cara untuk menangani stress dan menguruskan emosi mereka dengan lebih berkesan.

Perkhidmatan kaunseling dan para kaunseling disediakan di PPWN untuk membantu wanita yang berhadapan dengan masalah termasuk ibu-ibu tunggal.

E. Program Kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Wanita;

JPW turut mengadakan jaringan kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) wanita untuk melaksanakan program-program pembangunan kapasiti wanita melalui pengagihan Peruntukan Bantuan Khas Perpendaharaan.

Peruntukan yang diajukan kepada NGO adalah untuk pelaksanaan program pembangunan wanita di bawah bidang-bidang keutamaan seperti berikut:

- Latihan dan Peningkatan Kemahiran;
- Peningkatan Kapasiti Wanita;
- Literasi undang-undang (Sivil dan Syariah);
- Pengurusan Emosi;
- Kepekaan Gender;
- Nur Bahagian; dan
- Bidang tambahan yang ditentukan oleh KPWKM mengikut isu-isu semasa.

F. Geran Pelancaran Usahawan Wanita

- Penyediaan geran antara RM 500 hingga RM 5,000 seorang untuk wanita yang berminat untuk memulakan perniagaan setelah mengikuti kursus latihan yang diadakan oleh JPW.
- Sekurang-kurangnya 400 orang wanita diberikan geran pelancaran setahun setelah memenuhi syarat dan garis panduan yang ditetapkan.

Nota :

Maklumat lanjut mengenai program boleh dirujuk kepada PPWN, Biro Wanita Sarawak dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah.